

'Bebas bersuara selagi tak pecah belah masyarakat'

Kerajaan ambil tindakan tegas pihak memainkan isu agama, kaum

Oleh Farah Marsita
Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi jaminan akan terus melindungi hak bersuara rakyat selagi tidak menyentuh soal kaum dan agama serta memecah belahkan masyarakat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa kerajaan tidak akan bertindak ke atas sesiapa pun hanya kerana memberi pandangan.

“Saya nak pastikan Kerajaan Perpaduan ini dengan masyarakat Madani ini tidak bertindak terhadap sesiapa pun kerana memberi pandangan.

“Kita akan lindungi hak anda (bersuara),” katanya.

Namun, katanya pihak berkuasa akan mengambil tindakan keras terhadap mana-mana pihak yang menggunakan kebebasan bersuara untuk mempermainkan isu kaum dan agama.

“Seperti saya sebut semalam kalau anda memainkan isu kaum dan agama untuk pecah belahkan, minta orang bergaduh, saya akan ambil tindakan keras terhadap mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi soal jawab terbuka ber-



Anwar melawat tapak pameran pada Majlis Pameran Memperkasa Belia 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

sama belia ‘Temu Anwar’ yang diadakan buat julung kali selepas menjadi Perdana Menteri pada program Youth Empowerment Fair 2023 (YEF 2023), Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Pada sesi soal jawab terbuka itu, lebih 8,000 belia diberi peluang untuk bertanya terus kepada Anwar bagi mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan permasalahan belia.

Menjawab soalan lain, Anwar berkata isu berkaitan kebenaran penggunaan kanabis bagi tujuan

perubahan dalam negara memerlukan penelitian dan perbincangan yang menyeluruh serta mendalam termasuk daripada aspek kawalan penggunaan bahan berkenaan kelak.

Perdana Menteri berkata, ia mengambil kira jumlah penagih dalam kalangan anak muda termasuk di luar bandar yang semakin meningkat sehingga mencecah ratusan ribu setakat ini.

“Sabar, kita harus teliti betul-betul, kena ingat sebaik sa-

haja kita halalkan (kanabis) dengan hujah kuat seperti perubahan dan keperluan, itu nak kawal susah.

“Saya tidak kata saya ada pandangan keras dalam bidang ini, saya sudah cadang supaya kita buka ruang dan bincang betul-betul implikasinya.

“Bagi orang yang nak cadangkan atau menolak, mari kita lihat secara keseluruhan dulu implikasi dan kemudian ambil keputusan sama ada nak halalkan sebahagian atau terus dengan keadaan sekarang,” katanya.